

# UniKL, TNB miliki peluang seimbang

Harian Metro · 12 Mar 2021 · BERNAMA

Kuala Lumpur:

Siapa yang mengambil dan menyempurnakan peluang pasukan itulah yang bakal menjulang Piala Sumbangsih bagi pembukaan saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) 2021 antara Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang berlangsung malam ini di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil.

Kedua-dua pasukan merumuskan mereka bersedia memulakan saingan MHL 2021 dengan cuba meraih trofi Sumbangsih seterusnya menjadi pembakar semangat mengharungi perlawanan liga dan menempah slot ke pusingan kalah mati Piala TNB.

Menurut jurulatih UniKL, Megat Azrafiq Termizi, perkara paling melegakannya menjelang perlawanan hari ini ialah tiada pemain terbabit dengan masalah kesihatan mahupun kecederaan.

“Malah kita juga mendapat khabar gembira bahawa pemain yang cedera kecil juga sedia beraksi esok (hari ini). Cuma esok kita bermesyuarat untuk merencanakan strategi menentang TNB. Selain itu, kita bersedia,” katanya yang juga bekas pemain kebangsaan. Beliau mengakui TNB dikenali sejak sekian lama sebagai pasukan yang tidak bergantung kepada tenaga import dan itu juga sebahagian daripada kekuatan lawan mereka menjelang aksi hari ini.

“Bagaimanapun, ini tidak bermakna tanpa tonggak

FOTO: import kali ini kita menjadi tempang. Kita masih ada kualiti bersandarkan kepada pemain berpengalaman dan tonggak muda berbakat. Esok aksi seimbang siapa yang kurang buat kesilapan dan mengambil peluang terhidang meraih kejayaan,” katanya.

Sementara itu, penolong jurulatih TNB, Amin Rahim berkata, anak buahnya berada pada prestasi terbaik dan kekal fokus sehingga mereka dapat menjulang trofi Piala Sumbangsih.

“Kita tahu UniKL ada 10 pemain kebangsaan dan kita juga sama. Kunci kekuatan mereka tentu terarah kepada pakar pukulan sudut penalti, Razie Rahim, serta dua pemain berpengalaman Marhan Jalil dan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abd Jalil.

“Melihat kepada kekuatan dimiliki, kami cuba mengimbangi kekuatan mereka. Kedua-dua pasukan seimbang dan mereka yang lebih fokus dan berjaya mengambil peluang muncul juara esok,” kata Amin.